

Ahad, 17 Mei 2020 | 12:15pm



KPDNHEP Johor buat pemeriksaan di Pasar Awam Larkin. (Foto/Ihsan KPDNHEP)

37 peniaga ayam diberi notis naik harga

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Seramai 37 peruncit dan peniaga ayam di negeri ini diberikan notis bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kenaikan harga produk ternakan dijual mereka, yang dikesan sejak seminggu lalu.

Dalam kenyataan dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, agensi berkenaan sudah menjalankan 71 pemeriksaan dengan tumpuan utama ke atas gerai di pasar awam negeri ini.

• KPDNHEP Johor berkata, agensi berkenaan mendapat maklumat berkaitan kenaikan harga jualan ayam di premis runcit di seluruh negeri ini.

"Keadaan ini mencetuskan kegusaran dalam kalangan pengguna berikutan sambutan Aidilfitri yang akan diraikan tidak lama lagi.

"KPDNHEP Johor melaksanakan pemeriksaan serta-merta ke atas premis runcit yang menjual ayam pada harga yang tinggi.

"Daripada 71 premis yang diperiksa, 37 peruncit diberikan notis bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kenaikan harga.

"Siasatan juga diteruskan ke atas lima pemborong utama dan tiga peladang bagi melihat punca kenaikan harga," kata kenyataan berkenaan.

KPDNHEP Johor berkata, siasatan awal mendapati kenaikan harga ayam berlaku dalam masa seminggu kebelakangan ini.

"Seramai 200 pegawai penguat kuasa ditugaskan melaksanakan pemeriksaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei lalu.

"Peniaga yang cuba mengambil kesempatan dengan menjual pada harga yang tidak munasabah boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) yang membawa hukuman denda sebanyak RM100,000 atau tiga tahun atau kedua-duanya; bagi kesalahan kedua didenda RM250,000 atau lima tahun penjara tahun atau kedua-dua.

"Bagi pertubuhan perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000 bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan kali kedua," katanya.

Pengguna di negeri ini boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan kekurangan bekalan atau kenaikan harga secara tidak munasabah sepanjang tempoh PKPB kepada portal e-aduan.kpdnhep (<https://eaduan.kpdnhep.gov.my>), Call centre 1 800 886 800, emel e-aduan@kpdnhep.gov.my

Ez ADU KPDNHEP (aplikasi telefon pintar), Pusat Arahan Penguatkuasaan (Enforcement Command Centre) (03 8882 6088/6245) dan WhatsApp 019 279 4317.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/689756/37-peniaga-ayam-diberi-notis-naik-harga>